

1. Pernyataan di bawah berkaitan dengan konsep asas perniagaan.

P - Lebih hasil jualan setelah ditolak semua kos yang terlibat
Q - Perjanjian yang dimeterai oleh dua atau lebih individu.

Antara berikut, yang manakah pernyataan yang tepat tentang **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Keuntungan perniagaan	Kontrak perniagaan
B	Pertukaran nilai	Penjual dan pembeli
C	Kontrak perniagaan	Keuntungan perniagaan
D	Barang dan perkhidmatan	Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna


2. Apakah matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan keuntungan?
- A** Menawarkan produk berkualiti tinggi
 - B** Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
 - C** Meningkatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan
 - D** Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
3. Gambar berikut merujuk kepada satu badan yang ditubuhkan di Malaysia.



Gambar tersebut merujuk kepada

- A** organisasi bukan kerajaan
- B** organisasi dalam syarikat awam berhad
- C** organisasi bukan bermotifkan keuntungan
- D** aktiviti pembelian aset dalam organisasi kerajaan

4. Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah pemilikan **R**?

- A Francais
- B Koperasi**
- C Usaha sama
- D Perkongsian

5. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu bentuk perniagaan

- Perniagaan dikendalikan mengikut sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
- Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak

Apakah bentuk perniagaan yang sesuai bagi kenyataan di atas?

- A Syarikat Sendirian Berhad
- B Kontrak pengeluaran
- C Usaha sama
- D Francais**

6. Encik Razali merupakan pemilik Kedai Kek Razali yang menjalankan operasi di Bandar Baru Merlimau, Melaka. Dia dibantu oleh 15 orang pekerja. Rekod jualan kedai Kek Encik Razali untuk tempoh dua tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jualan Tahunan (RM)
2018	350 000
2019	750 000

Apakah saiz perniagaan Kedai Kek Razali?

- A** Kecil
- B Besar
- C Global
- D Sederhana

7. Antara berikut, yang manakah aktiviti yang tergolong dalam sektor utama?

- I Peruncitan
- II Pembinaan
- III Pembalakan
- IV Perlombongan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

8. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah deflasi.

- Menurunkan kadar cukai pendapatan
- Mengurangkan kadar faedah bank

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Kos pinjaman perniagaan meningkat
- B Harga barang dan perkhidmatan menurun
- C Pengeluar mengurangkan operasi pengeluaran
- D** Permintaan untuk barang dan perkhidmatan akan meningkat

9. Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan.

Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6% pada 1 April 2016.

Apakah faktor luaran tersebut?

- A** Politik dan perundangan
- B Sosiobudaya ekonomi
- C Teknologi
- D Ekonomi

10. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A Guna tenaga semakin menurun
- B Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
- C Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar
- D** Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat

11. Antara berikut, yang manakah **bukan** ciri sesebuah perniagaan yang mempunyai skala perniagaan tempatan?

- I Mempunyai pekerja yang berkemahiran tinggi
- II Jualan tahunan perniagaan adalah rendah
- III Syer pasaran ialah masyarakat tempatan
- IV Memerlukan modal yang banyak

- A I dan II
- B** I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12. Antara berikut, yang manakah konsep visi yang betul?

- A Ditetapkan oleh pihak pengurusan bawahan
- B Satu pernyataan tentang tujuan kewujudan organisasi
- C Objektif harus ditetapkan terlebih dahulu
- D** Visi seharusnya dapat dicapai dalam masa kurang daripada lima tahun


13. Pernyataan di bawah merujuk kepada objektif sebuah syarikat.

Syarikat Mesra Sdn. Bhd. Akan mengeluarkan 50 000 unit kereta pada tahun hadapan.

Apakah ciri-ciri objektif bagi syarikat tersebut?

- A Boleh dicapai
B Boleh diukur
C Jangka masa
D Munasabah

14. Rajah di bawah menunjukkan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi visi, misi dan objektif.



Apakah Y?

- I Pembekal
II Pihak bank
III Sumber manusia
IV Modal perniagaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Maklumat berikut menunjukkan tujuan bahagian fungsian dalam sesebuah aktiviti perniagaan.

- Menjalankan urusan dalaman organisasi
- Menyimpan rekod
- Mengendalikan mesyuarat

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
B Pentadbiran
C Khidmat pelanggan
D Penyelidikan dan pembangunan

16. Gambar di bawah ini menunjukkan produk kain batik yang diusahakan dan dipasarkan oleh Encik Johan.



Saluran agihan manakah yang sesuai digunakan oleh Encik Johan untuk mengedarkan keluarannya?

- A Pengeluar → Pengguna
- B Pengeluar → Ejen → Pengguna
- C Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna


17. Maklumat berikut berkaitan dengan unsur dalam proses komunikasi.

- Penting untuk mengukur tahap keberkesanan proses komunikasi
- Boleh terdiri daripada tulisan, kata atau isyarat badan

Apakah unsur tersebut?

- A Enkod
- B Dekod
- C Saluran
- D Maklum balas

18. Rajah di bawah menunjukkan peringkat pengurusan dalam sebuah organisasi.




Peringkat pengurusan

Apakah peranan pihak di peringkat X dalam organisasi?

- A Mengawal pekerja di bahagian operasi
- B Mengagihkan sumber-sumber organisasi
- C Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti khusus
- D Menentukan hala tuju jangka panjang organisasi.

19. Rajah di bawah menunjukkan elemen campuran pemasaran.




X ialah

- I harga
- II produk
- III Kualiti produk
- IV Pembungkusan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20. Rajah di bawah menunjukkan dua buah perniagaan yang terdapat di Kulim, Kedah.



Mengapakah kedua-dua perniagaan ini memerlukan bahagian fungsian yang sama?

- A Mencapai visi, misi dan objektif yang dirancang
- B Memaksimumkan kepuasan pelanggan
- C Untuk merebut syer pasaran yang sama
- D Supaya boleh bersaing secara adil

21. Maklumat yang berikut berkaitan dengan aspek dalam pengelolaan sumber manusia.

Pengagihan jawatan seseorang pekerja adalah berdasarkan pengalaman, kelayakan, kemahiran dan keperluan pekerjaan

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia dalam situasi di atas?

- A Sistem pengajian
- B Penempatan pekerja
- C Penyelesaian masalah
- D Standard prosedur operasi tugas (SOP)

22. Apakah langkah yang perlu diambil oleh organisasi untuk meningkatkan keupayaan sumber manusia dalam organisasi?
- A Meningkatkan pembayaran gaji
 - B Meningkatkan bilangan kakitangan
 - C Membawa masuk teknologi baharu
 - D** Mengadakan latihan dan pembangunan

23. Maklumat di bawah berkaitan dengan pengajian.

Puan Juliana bertugas sebagai pengurus cawangan sebuah syarikat insurans. Beliau dibayar gaji asas sebanyak RM 12 000 sebulan. Elaun perjalanan yang dituntut sepanjang bulan ialah sebanyak RM 4500. Kadar caruman bulanan KWSP beliau ialah 11% dan bahagian majikan ialah 12%.

Berapakah jumlah caruman KWSP bagi Puan Juliana dalam sebulan?

- A RM 1 320
 - B RM 1 815
 - C** RM 2 760
 - D RM 3 795
24. Pada pendapat anda, mengapakah sesebuah syarikat pengeluaran sarung tangan harus menguruskan sumber fizikal dengan cekap?
- A Dapat memastikan sumber sentiasa cukup
 - B** Dapat mewujudkan perniagaan yang mampan
 - C Dapat mengelakkan berlaku kerosakan sumber
 - D Dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja
25. Antara berikut, yang manakah dikategorikan sebagai harta intelek?
- I Video
 - II Muzik
 - III Komputer
 - IV Perisian komputer
- | | |
|-------------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

26. Maklumat berikut merupakan prosedur mengurus sumber fizikal yang penting untuk memudahkan proses penghasilan produk.

* Perlindungan insurans keselamatan
* X

Apakah prosedur X?

- A Penyelenggaraan dan baik pulih sumber fizikal
- B Pemeriksaan dan jadual penggunaan sumber fizikal
- C Merangka bajet bagi kos pengurusan sumber fizikal
- D Latihan penggunaan dan pemasangan sumber fizikal

27. Maklumat berikut berkaitan dengan jenama produk yang dihasilkan oleh beberapa usahawan.

● Panasonic
● Canon
● Perodua

Apakah kekuatan diri yang ada pada usahawan tersebut?

- A Fokus tenaga dan tumpuan
- B Keupayaan membina jenama sendiri
- C Perhubungan baik dengan pasangan
- D Kemahiran pembangunan karakter diri

28. Antara berikut, yang manakah memiliki ciri-ciri keperibadian seorang usahawan?

- A Encik Yusof merupakan seorang yang berinisiatif dan pandai merebut peluang perniagaan
- B Puan Janet berpuas hati dengan hanya meneruskan perniagaan milikan tunggalnya
- C Cik Silawati menjalankan aktiviti jual beli satay di gerainya sejak 10 tahun yang lalu
- D Encik Zainal suka menjalankan perniagaan yang tiada risiko kegagalan

29. Encik Ramu merupakan pengurus dan pemilik sebuah pasar raya.
Antara berikut, yang manakah sumber pembiayaan dalaman bagi Encik Ramu?

- I Sewa beli
- II Pemfaktoran
- III Simpanan peribadi
- IV Modal daripada keuntungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Antara berikut, yang manakah kelemahan bagi pihak bank sebagai sumber pembiayaan sesebuah perniagaan?

- I Persaingan yang sengit
- II Jumlah pinjaman yang terhad
- III Tertakluk kepada syarat pinjaman
- IV Memerlukan cagaran dalam bentuk harta atau aset tetap

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31. Pilih prosedur yang **betul** bagi mendapatkan sumber pembiayaan.

A Menyediakan rancangan perniagaan → Mendapatkan khidmat nasihat kewangan
→ Membuat permohonan → Pembiayaan diluluskan

B Mendapatkan khidmat nasihat kewangan → Membuat permohonan →
Menyediakan rancangan perniagaan → Pembiayaan diluluskan

C Menyediakan rancangan perniagaan → Membuat permohonan →
Mendapatkan khidmat nasihat kewangan → Pembiayaan diluluskan

D Membuat permohonan → Menyediakan rancangan perniagaan → Pembiayaan
diluluskan → Mendapatkan khidmat nasihat kewangan

32. Antara berikut, yang manakah dicatatkan dalam Kunci Kira-kira?

- I Stok akhir
- II Stok awal
- III Untung kasar
- IV Overdraf bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Apakah maksud stok bergerak perlahan?

- A Barang-barang yang dijual secara hutang dan lambat menerima bayaran
- B Barang-barang yang mengambil masa yang lama untuk dijual
- C Barang-barang yang lambat diterima daripada pembekal
- D Barang-barang yang pantas untuk dijual

34. Maklumat berikut diambil daripada buku perakuan Perniagaan Fauzee.

	RM
Jualan	120 000
Untung kasar	30 000
Untung bersih	18 500

Berapakah peratusan margin untung bersih Perniagaan Fauzee?

- A 15.42 %
- B 25.00 %
- C 40.42 %
- D 50.00 %

35. Antara berikut, yang manakah **bukan** faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan?

- A Modal
- B Pelanggan
- C Kemahiran
- D Lokasi yang sesuai

36. Antara yang berikut, manakah ciri syarikat awam berhad seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016?

- I Tiada had maksimum bilangan pemegang syer
- II Tiada had maksimum bilangan pengarah syarikat
- III Bilangan pemegang syer sekurang-kurangnya dua orang
- IV Bilangan pengarah syarikat sekurang-kurangnya lima orang

- A I dan II C II dan IV
- B I dan III D III dan IV

37. Apakah itu sasaran jualan?

- A Merujuk kepada anggaran hasil jualan dalam tempoh masa tertentu
- B Merujuk kepada anggaran keuntungan yang bakal diterima oleh perniagaan
- C Merujuk kepada kumpulan pelanggan yang dikenal pasti membeli produk
- D Merujuk kepada bilangan produk yang perlu dihasilkan untuk mendapat untung

38. Antara yang berikut, faktor manakah yang harus dipertimbangkan oleh usahawan sebelum menetapkan harga produk?

- I Persaingan
- II Permintaan
- III Saiz pasaran
- IV Sasaran pasaran

- A I dan II C II dan IV
- B I dan III D III dan IV

39. Maklumat berikut menunjukkan satu dokumen perniagaan yang diperolehi daripada Kedai Komputer Ayden.

<p style="text-align: center;">Memo Kedai Komputer Ayden 12, Jalan Perdana 11 Taman Bintang, 46150 Petaling Jaya, Selangor.</p> <p>Kepada: Kerani Akaun Daripada: Encik Ayden Tarikh: 22 Mac 2020</p> <p>Perkara: Pemilik telah mengeluarkan barang niaga sebanyak RM150.00 untuk kegunaan peribadi.</p>

Antara berikut yang manakah berkait dengan dokumen perniagaan di atas?

- I Transaksi bank
 - II Rekod belanja
 - III Rekod ambilan
 - IV Pengurangan modal pemilik
- A I dan II **C** II dan III
B I dan IV D III dan IV

40. Maklumat di bawah ini menunjukkan persoalan yang boleh dijawab apabila menyediakan rancangan perniagaan.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Siapakah sasaran pasaran untuk produk kita?● Berapa ramaikah pesaing dalam pasaran?● Apakah strategi pemasaran yang paling sesuai untuk menarik pengguna? |
|---|

Bahagian manakah dalam rancangan perniagaan dapat menjawab soalan-soalan berkenaan?

- A Rancangan operasi
- B Rancangan kewangan
- C** Rancangan pemasaran
- D Rancangan pentadbiran

KERTAS SOALAN TAMAT